

PENGAJARAN KOLABORATIF DALAM PENDIDIKAN ISLAM: SATU TINJAUAN

COLLABORATIVE TEACHING IN ISLAMIC EDUCATION: A REVIEW

Muhammad Fitri Ab Kadir¹
Siti Suhaila Ihwani²
Mohammad Dzarul Hafiz Dol Malek³
Norly Marlia Kamaruddin⁴
Nur Nadiah Abdul Manap⁵
Muhammad Talhah Ajmain @ Jima'ain⁶

¹Islamic Civilization Academy, Faculty of Social Sciences & Humanities Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Kuala Lumpur Malaysia, (E-mail: fitri93@graduate.utm.my)

²Islamic Civilization Academy, Faculty of Social Sciences & Humanities Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Kuala Lumpur Malaysia, (E-mail: sitisuhaila@utm.my)

³Islamic Civilization Academy, Faculty of Social Sciences & Humanities Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Johor Malaysia, (E-mail: mohammaddzarulhafiz@graduate.utm.my)

⁴Islamic Civilization Academy, Faculty of Social Sciences & Humanities Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Johor Malaysia, (E-mail: norlymarlia@graduate.utm.my)

⁵Islamic Civilization Academy, Faculty of Social Sciences & Humanities Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Johor Malaysia, (E-mail: nadiah90@graduate.utm.my)

⁶Islamic Civilization Academy, Faculty of Social Sciences & Humanities Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Johor Malaysia, (E-mail: muhammadtalhah.j@utm.my)

Article history

Received date : 2-3-2024
Revised date : 3-3-2024
Accepted date : 1-4-2024
Published date : 15-4-2024

To cite this document:

Ab Kadir, M. F., Ihwani, S. S., Dol Malek, M. D. H., Kamaruddin, N. M., Abdul Manap, N/ N., & Ajmain @ Jima'ain, M. T. (2024). Pengajaran kolaboratif dalam pendidikan islam: Satu tinjauan. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 9 (61), 866 – 877.

Abstrak: Kaedah pengajaran yang selari dengan keperluan zaman amatlah perlu dititikberatkan oleh guru pendidikan Islam (GPI) terutamanya bagi melengkapkan diri untuk memenuhi keperluan pembelajaran abad ke 21 (PAK 21). Oleh hal yang demikian, salah satu pendekatan yang terbukti berfaedah dan berkesan iaitu pengajaran kolaboratif perlulah dilaksanakan oleh GPI supaya dapat meningkatkan standard pembelajaran disamping mengembangkan daya pemikiran yang kritis pelajar dalam pendidikan Islam. Oleh itu, berdasarkan pertimbangan yang melihat kepentingan dan keperluan berikut, kajian untuk penghasilan artikel ini dijalankan. Dengan itu, kajian ini adalah bertujuan untuk meneroka pendekatan pengajaran kolaboratif dan mengenal pasti kelebihan pengajaran kolaboratif dalam pendidikan Islam. Kajian ini dijalankan berdasarkan reka bentuk kajian kualitatif yang menggunakan kaedah kepustakaan dan analisis dokumen. Justeru itu, diharapkan hasil kajian mampu memberi gambaran yang jelas terutamanya kepada GPI untuk melaksanakan pengajaran kolaboratif dengan lebih efektif serta mengambil berat tentang kelebihannya terhadap pendidikan Islam.

Kata Kunci: Pengajaran, Kolaboratif, Pendidikan Islam, Pendekatan, Kelebihan

Abstract: *Teaching methods that are in line with the needs of the times must be emphasized by Islamic education teachers (IET) especially to equip themselves to meet the learning needs of the 21st century (21st CL). Therefore, one of the proven beneficial and effective approaches, which is collaborative teaching, must be implemented by IET to improve learning standards in addition to developing students' critical thinking skills in Islamic education. Therefore, based on considerations that see the following importance and needs, the study to produce this article was conducted. With that, this study aims to explore the collaborative teaching approach and identify the advantages of collaborative teaching in Islamic education. This study was conducted based on a qualitative research design that uses bibliographic methods and document analysis. Therefore, it is hoped that the results of the study will be able to give a clear picture especially to IET to implement collaborative teaching more effectively and take care of its advantages to Islamic education.*

Keywords: *Teaching, Collaborative, Islamic Education, Approach, Advantages*

Pendahuluan

Pengajaran kolaboratif dalam pendidikan Islam adalah satu aspek penting yang perlu diketengahkan supaya kualiti pembelajaran dapat ditingkatkan sejajar dengan perkembangan pendidikan masa kini yang kian mencabar. Menurut Laal et al. (2014) mendefinisikan pengajaran kolaboratif adalah guru sebagai mentor kepada pelajar dalam sesi pembelajaran dengan kaedah pembelajaran secara berkumpulan untuk menyiapkan tugas dan penghasilan produk secara bersama. Dalam pada itu, pendidikan Islam bertujuan untuk menyediakan pengetahuan untuk mendidik insan kearah yang memiliki keseimbangan dari aspek intelek, rohani, emosi dan jasmani secara bertahap. Oleh yang demikian, selari dengan falsafah pendidikan kebangsaan (FPK) oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menerusi dasar pendidikan kebangsaan yang memberikan penekanan kepada empat aspek tersebut iaitu jasmani dan rohani disamping terhadap aspek intelek dan emosi bagi melahirkan insan yang berkembang potensinya melalui usaha pendidikan yang berterusan (KPM, 2017). Oleh itu, jika diperhatikan pendidikan Islam yang diterapkan kedalam kurikulum adalah disokong melalui elemen yang dizahirkan melalui FPK.

Namun demikian, kaedah pengajaran yang berkualiti ditentukan melalui pelaksanaan atau pendekatan yang dilaksanakan oleh guru agar memastikan sesi pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) yang dijalankan mencapai objektifnya. Oleh hal yang demikian, pendekatan guru yang mempunyai nilai kreativiti melalui pendekatan yang pelbagai memainkan peranan penting untuk menghasilkan PdPc yang berkualiti. Menurut KPM (2014) menjelaskan bahawa pelajar yang mampu bersaing diperingkat global adalah pelajar yang memiliki ciri dari segi berkemampuan untuk bekerja secara sepasukan atau dalam erti kata lain pelajar berkeupayaan menjalani aktiviti kolaboratif berasaskan kemahiran interpersonal. Justeru itu, pengajaran yang mengaplikasi kaedah kolaboratif merupakan pendekatan yang efisien dalam mendepani pembelajaran abad ke 21 (PAK 21).

Sementara itu, pengajaran kolaboratif dalam pendidikan Islam merupakan suatu pendekatan yang dapat mewujudkan sikap kerjasama antara pelajar dan mencapai objektif pembelajaran bersama. Hal ini demikian kerana pendekatan tersebut meningkatkan penglibatan secara aktif disamping pemikiran kritis juga dapat diasah melalui perkongsian dan sokongan antara satu sama lain dalam kalangan pelajar. Hal ini disokong oleh dapatan kajian oleh Nadia Abdul

Rahim et al. (2021) mendapati pembelajaran kolaboratif dapat meningkatkan penglibatan aktif pelajar dengan perkongsian ilmu sesama rakan sebaya dan dalam masa yang sama menggalakkan kemahiran berfikir melalui proses pertukaran maklumat antara satu sama lain. Justeru itu, pendekatan pengajaran kolaboratif dalam pendidikan Islam dan kelebihanannya akan dibincangkan dalam artikel ini.

Permasalahan Kajian

Terdapat beberapa kekangan yang dihadapi oleh guru pendidikan Islam (GPI) untuk melaksanakan pengajaran kolaboratif berdasarkan kajian-kajian yang lepas. Maka, kekangan-kekangan yang dihadapi oleh GPI menjadi cabaran yang menghalang GPI untuk menjalankan pendekatan pengajaran kolaboratif dengan cekap. Menurut hasil kajian Norasmahani Nor et al. (2015) mendapati bahawa GPI menghadapi permasalahan dalam pelaksanaan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dari aspek kepelbagaian tahap pemikiran pelajar, penilaian KBAT, dan pendedahan GPI terhadap KBAT ditahap yang rendah. Namun demikian, cabaran yang dihadapi GPI dalam mengaplikasi KBAT dalam sesi PdPc adalah berkait rapat dengan strategi pendekatan yang dibawa oleh GPI dalam menyampaikan pengetahuan kepada para pelajar. Maka, salah satu pendekatan tersebut adalah melaksanakan pendekatan pengajaran kolaboratif. Justifikasinya adalah merujuk KPM (2019) menjelaskan bahawa aktiviti berkumpulan seperti perbincangan untuk menyelesaikan sesuatu masalah adalah strategi untuk meningkatkan penguasaan KBAT. Oleh itu, difahami bahawa kurangnya penerapan dari aspek kolaboratif yang menyebabkan wujudnya halangan kepada penguasaan KBAT dalam kalangan pelajar.

Selain itu, terdapat cabaran-cabaran lain yang dihadapi oleh guru yang mengakibatkan terbantutnya proses melaksanakan PAK 21 seperti dari segi aspek bahan pengajaran, kemudahan, masa, pengetahuan serta kemahiran menjadi halangan kepada sesi PdPc (Norazlin Mohd Rusdin & Siti Rahaimah Ali, 2019). Oleh sebab itu, pendekatan untuk melaksanakan kaedah pengajaran kolaboratif menjadi cabaran kepada para guru untuk mengaplikasikannya dengan cekap dan tuntas. Tambahan pula, dapatan kajian menurut Raja Abdullah dan Daud (2018); Nadiah Abdul Kadir dan Khairul Azhar Jamaludin, (2022) mendapati bahawa disebabkan kurangnya pendedahan terhadap pendekatan PAK 21 kepada para guru, maka penguasaan guru terhadap pendekatan tersebut masih lagi pada tahap yang kurang memuaskan sehingga memberi kesan terhadap penerapan pengajaran secara kolaboratif dalam sesi PdPc. Justeru itu, menjadi keperluan kepada kajian ini untuk melihat pendekatan pengajaran kolaboratif dan kelebihanannya dalam pendidikan Islam.

Objektif Kajian

Kajian ini adalah bertujuan untuk membincangkan mengenai pengajaran kolaboratif dalam pendidikan Islam berdasarkan kajian-kajian yang lepas. Berikut adalah objektif kajian yang diketengahkan oleh pengkaji:

1. Meneroka pendekatan pengajaran kolaboratif dalam pendidikan Islam.
2. Mengenal pasti kelebihan pengajaran kolaboratif dalam pendidikan Islam.

Metodologi Kajian

Kajian ini dijalankan berdasarkan pendekatan kualitatif melalui kajian kepustakaan yang menggunakan kaedah analisis dokumen. Oleh hal yang demikian, kajian-kajian yang lepas yang berkaitan dan bertepatan mengenai pengajaran kolaboratif dalam pendidikan Islam menjadi sumber data oleh pengkaji. Secara asasnya, menurut Merriam dan Tisdell (2016) menjelaskan bahawa salah satu daripada teknik mengutip data dalam kajian kualitatif adalah melalui analisis dokumen. Oleh yang demikian, pengkaji menganalisis dapatan kajian yang lepas yang

bersesuaian seperti jurnal, prosiding dan artikel bagi memenuhi objektif kajian. Justeru itu, selari menurut kajian Kamarul Azmi Jasmi (2012) yang menerangkan bahawa maklumat yang sesuai dengan sesebuah kajian yang dijalankan boleh didapati melalui analisis dokumen.

Konsep Pengajaran Kolaboratif

Pengajaran kolaboratif adalah merupakan suatu teknik yang dilaksanakan dalam pendidikan yang berteraskan PAK 21. Hal ini demikian kerana, terdapat ciri-ciri tertentu dalam kaedah tersebut yang membawa kepada perbezaannya jika dibandingkan dengan kaedah pengajaran yang bersifat konvensional. Oleh yang demikian, terdapat beberapa komponen penting dalam pengajaran kolaboratif termasuklah strategi yang berpusatkan pelajar. Dalam pada itu, berdasarkan dapatan kajian oleh Raja Abdullah Raja Ismail dan Daud Ismail (2018) menunjukkan bahawa guru mampu melaksanakan pengajaran secara kolaboratif melalui penguasaan mengenai konsep PdPc berteraskan PAK 21 yang mana kaedah tersebut membawa kepada pembelajaran yang berpusatkan pelajar. Begitu juga, menurut hasil kajian oleh Rafiza Abdul Razak (2013) mendapati bahawa pelajar aktif berinteraksi satu sama lain dengan berkongsi pandangan serta bertanyakan soalan melalui pembelajaran yang diterapkan melalui kolaboratif dalam talian. Oleh itu, situasi ini menunjukkan pengajaran kolaboratif merangsang pelajar untuk membina rangkaian antara satu sama lain dalam sesi PdPc supaya tercapai objektif pembelajaran bersama-sama.

Selain itu, kaedah yang menerapkan perbincangan adalah salah satu daripada teknik pengajaran kolaboratif. Oleh yang demikian, perbincangan yang diaplikasikan mampu membuka ruang kepada pelajar berbincang antara satu sama lain. Berdasarkan kajian oleh Wong Weng Siong dan Kamisah Osman (2018) menyatakan bahawa pelajar yang diterapkan oleh guru melalui pembelajaran kolaboratif yang bercirikan PAK 21 adalah melalui teknik penyertaan pelajar dalam sesi perbincangan dan mengatasi masalah. Disamping itu, pembelajaran kolaboratif mampu diketengahkan melalui kaedah yang menerapkan pendekatan perbincangan yang mana pandangan oleh pelajar disokong dan diperkukuhkan antara satu sama lain dalam kalangan mereka (Fazillah Mohamed Ismail & Tengku Nurhudah T M Khalib, 2020). Justeru itu, perbincangan dalam kalangan pelajar merupakan asas penting dalam kaedah yang menggunakan pengajaran kolaboratif.

Disamping itu, antara aspek utama dalam pengajaran kolaboratif adalah dengan mengaplikasi pendekatan supaya menjana idea baru dalam kalangan pelajar dalam sesi PdPc. Selari dengan dapatan kajian oleh Alin Abdullah dan Muhamad Kasim Basir (2016) menjelaskan bahawa pengajaran kolaboratif meningkatkan penyertaan pelajar untuk membina idea baru perbincangan yang dilakukan dengan berkongsi pengetahuan oleh pelajar dalam kalangan mereka. Tambahan pula, semangat ingin tahu para pelajar mampu diserlahkan melalui pengajaran kolaboratif melalui interaksi antara guru dengan pelajar atau sesama pelajar melalui pertanyaan dan perbincangan (Sharifah Fatimah Wan Jamel et al., 2022). Dengan itu, terdapat konsep utama yang boleh diteliti melalui pengajaran kolaboratif yang menerapkan penghasilan idea baru dalam kalangan pelajar. Disamping itu juga, pendekatan yang berpusatkan pelajar serta galakan kepada pelajar untuk berbincang sesama mereka atau bersama guru juga mampu dilaksanakan melalui pengajaran kolaboratif.

Pendekatan Pengajaran Kolaboratif dalam Pendidikan Islam

Komponen penting yang memadai jika diberikan perhatian dan penelitian dalam mengaplikasikan pendidikan yang berteraskan PAK 21 adalah melalui penguasaan empat kemahiran yang diperkenalkan iaitu pemikiran kritis, komunikasi, kolaborasi, dan kreativiti

(KPM, 2017b). Pendekatan yang diketengahkan bukan sahaja untuk menunjukkan strategi dan teknik yang sesuai dalam pengajaran pendidikan Islam, malah pendekatan kolaboratif selari dengan kehendak PAK 21 yang menggalakkan pembelajaran yang berpusatkan pelajar seperti perbincangan berkumpulan, pembelajaran berasaskan projek (PBP), pembelajaran rakan sebaya, Think-Pair-Share (TPS) dan kolaboratif dalam talian. Oleh yang demikian, antara pendekatan kolaboratif yang perlu difokuskan adalah seperti berikut:

Perbincangan Berkumpulan

Kefahaman dan penguasaan pelajar terhadap pengetahuan yang diperolehi daripada sesi PdPc adalah berbeza. Hal ini demikian kerana, setiap pelajar adalah unik serta memiliki tahap kemampuan berfikir yang berbeza yang mana memerlukan pendekatan yang pelbagai untuk penyampaian ilmu (Tengku Sarina Aini Tengku Kasim & Faridah Che Husain, 2008). Oleh hal yang demikian, strategi yang difokuskan melalui perbincangan secara berkumpulan adalah apabila GPI menggabungkan pelajar yang memiliki pelbagai aras pemikiran dalam kumpulan yang sama supaya dapat menjana idea baru daripada topik yang dipelajari (Nor Syahirah Abu Bakar & Mohd Aderi Che Noh, 2022). Disamping itu, menurut Nadia Abdul Rahim et al. (2021) menjelaskan bahawa pelajar memiliki strategi pembelajaran serta pencapaian yang berbeza antara satu sama lain. Walau bagaimanapun, pengetahuan yang dimiliki oleh para pelajar sepatutnya dikongsi secara dua hala antara sesama mereka melalui aktiviti perbincangan dalam kumpulan.

Dalam pada itu, selari dengan hasil kajian oleh Mohd Syaubari Othman (2021) menerangkan bahawa pendekatan perbincangan dalam kalangan pelajar adalah menjadi pilihan tertinggi GPI kerana kaedah ini memberikan peluang kebebasan untuk pelajar berbincang antara mereka berasaskan bimbingan daripada guru. Begitu juga menurut Sukreni Ismail dan Mohd Isha Awang (2004) menunjukkan GPI kebiasaannya menjalankan aktiviti berkumpulan untuk PdPc kolaboratif melalui pembahagian pelajar kedalam kumpulan-kumpulan kecil serta melakukan persembahan kepada kumpulan lain mengenai hasil perbincangan rakan sebaya. Disamping itu, hasil kajian mendapati guru pelatih dalam kalangan GPI juga melaksanakan aktiviti perbincangan dalam kumpulan secara kerap dalam pengajaran yang menerapkan elemen kolaboratif (Raja Abdullah Raja Ismail & Daud Ismail, 2018). Oleh itu, pendekatan pengajaran kolaboratif adalah berkait rapat dengan aktiviti yang menggalakkan perbincangan dalam kumpulan.

Pembelajaran Berasaskan Projek (PBP)

Pembelajaran berasaskan projek (PBP) merupakan salah satu pendekatan pengajaran yang diterapkan oleh guru pada masa kini. Oleh yang demikian, pendekatan PBP ini adalah bertepatan dengan konsep pengajaran kolaboratif yang menggalakkan perbincangan serta percambahan idea baru yang berteraskan pembelajaran berpusatkan pelajar. Menurut hasil kajian oleh Sutrisno dan Juli Amalia Nasucha (2022) mendapati bahawa pengajaran yang menerapkan PBP adalah teknik yang membantu pelajar menyelesaikan tugas sebenar yang berkait dengan kehidupan mereka secara dalam kumpulan yang bermanfaat kepada para pelajar. Hal ini disokong oleh dapatan kajian oleh Faridah Salam et al. (2015) menunjukkan PBP mampu membuka peluang kepada pelajar untuk menganalisis pengetahuan sedia ada dan mengutarakan pandangan mereka.

Begitu juga, Nasir Hasan (2014) menerangkan bahawa PBP adalah suatu pendekatan berpusatkan pelajar dengan kaedah berkolaborasi, menetapkan hasil melalui analisis yang dijalankan, berasaskan penghasilan produk serta melampirkan data. Dalam pada itu, menurut

hasil kajian oleh Noor Muslieah Mustafa Kamal et al. (2022) mendapati GPI kerap mengaplikasi PBP untuk memberi peluang kepada pelajar mengekspresikan idea mereka melalui perbincangan dengan rakan sebaya serta mampu menghasilkan produk yang boleh dijadikan sebagai bahan bantu mengajar (BBM). Justeru itu, PBP merupakan kaedah yang memupuk nilai kerjasama dan penglibatan aktif antara rakan sebaya melalui pengajaran yang mengaplikasi pendekatan secara kolaboratif.

Pembelajaran Rakan Sebaya

Umumnya, penguasaan terhadap suatu pelajaran adalah berbeza dalam kalangan pelajar. Namun demikian, rakan sebaya adalah individu yang berperanan ketika sesi PdPc supaya dapat mengukuhkan pemahaman antara satu sama lain terhadap setiap topik yang telah dipelajari. Hal ini boleh dimanfaatkan apabila pelajar yang telah menguasai sesuatu topik dengan baik mampu untuk memberikan bimbingan terhadap rakannya yang masih belum mampu untuk memahaminya ketika sesi PdPc. Oleh yang demikian, situasi ini disokong melalui hasil kajian oleh Noor Muslieah Mustafa Kamal et al. (2022) menunjukkan bahawa pendekatan GPI yang melaksanakan penilaian dalam kalangan rakan sebaya menghasilkan suasana PdPc yang aktif melalui pembentangan berkumpulan, sesi soal jawab, meneroka pengetahuan dengan lebih mendalam dan dalam masa yang sama pelajar mampu berkongsi ilmu yang dikuasainya dengan lebih cekap.

Tambahan pula, melalui hasil kajian oleh Ahmad Hafizh et al. (2023) mendapati pendekatan GPI yang menyatakan setiap pelajar mampu untuk meletakkan diri mereka ibarat sebagai seorang guru dengan menyampaikan pengetahuannya kepada rakan sebaya supaya meningkatkan kefahaman dalam kalangan mereka. Disamping itu, hasil kajian mendapati melalui pelaksanaan PdPc bercirikan kemahiran PAK 21 didapati rakan sebaya menyerlahkan pengaruh besar dalam kalangan mereka di atas faktor soalan yang dilontarkan oleh rakan mereka lebih meningkatkan penglibatan aktif untuk dijawab berbanding soalan yang diajukan oleh guru kerana rasa tercabar ketika sesi pembentangan (Rohani Arbaa et al., 2017). Dengan itu, rakan sebaya mempunyai peranannya yang tersendiri untuk memastikan objektif pembelajaran tercapai yang mana bukan sahaja bergantung kepada pengajaran yang disampaikan oleh guru sahaja.

Think-Pair-Share (TPS)

Pendekatan PdPc yang berkesan dalam pendidikan adalah amat digalakkan supaya mampu menjana objektif pembelajaran yang baik. Oleh yang demikian, pelbagai teknik yang diperkenalkan berdasarkan PAK 21 untuk memenuhi pendekatan PdPc yang efisien selari dengan keperluan pelajar pada zaman kini yang lebih memerlukan pendekatan yang berpusatkan pelajar. Namun demikian, terdapat beberapa pendekatan yang berteraskan PAK 21 berorientasikan pelajar melalui pengajaran kolaboratif iaitu kaedah Think-Pair-Share (TPS). Secara asasnya, kaedah TPS adalah pendekatan yang memberi peluang kepada pelajar untuk berfikir secara sendirian, berbincang dengan rakan, dan seterusnya melaksanakan pembentangan kepada kelas (Mundelsee & Jurkowski, 2021; Fathin Amirah Ismail et al., 2022).

Dengan itu, menurut kajian oleh Mokh. Habibullah (2021) pendekatan pengajaran kolaboratif diaplikasikan oleh GPI melalui kaedah TPS supaya pelajar dalam kumpulan berskala kecil bekerjasama dengan kaedah tugasan yang diberikan terlebih dahulu disiapkan secara sendirian dan seterusnya mereka akan saling berbincang bersama pasangannya sekaligus melakukan perbincangan dengan melakukan perkongsian kepada pasangan dalam kumpulan yang lain. Dalam pada itu, kaedah TPS adalah pengajaran kolaboratif yang berasaskan kepada tiga aspek

penting iaitu pelajar dianjurkan untuk aktif dari sudut kognitif, penyertaan pelajar dalam perbincangan secara berpasangan dan menyampaikannya dalam bentuk pembentangan kepada semua. Justeru itu, TPS memupuk semangat bekerjasama secara berperingkat yang bermula dengan mendalami dengan berfikir dan diikuti dengan berkolaborasi dengan pasangan serta menyampaikannya melalui perkongsian kepada pelajar lain.

Kolaboratif Dalam Talian

Perubahan yang berlaku kepada bidang pendidikan pada zaman kini adalah seiring dengan perkembangan teknologi yang semakin canggih. Hal ini demikian kerana munculnya pelbagai platform yang menyokong bidang pendidikan dalam bentuk peranti teknologi seperti komputer, telefon pintar dan sebagainya disamping rangkaian internet mula digunakan secara meluas diseluruh dunia. Oleh itu, sesi PdPc tidak lagi bergantung sepenuhnya dengan kaedah bersemuka namun mampu dilaksanakan secara dalam talian. Walau bagaimanapun, pendekatan pengajaran kolaboratif disokong secara dalam talian kerana wujudnya medium rangkaian secara maya antara guru dengan pelajar atau sesama pelajar. Sebagai contoh, menurut kajian Muhammad Zulazizi Mohd Nawi (2020) mendapati bahawa multimedia membantu GPI untuk menyampaikan pengetahuan dalam pendidikan Islam dengan efektif dengan pendekatan pengajaran kolaboratif dalam talian. Disamping itu, aplikasi-aplikasi tertentu menyokong PdPc pendidikan Islam secara dalam talian seperti aplikasi Whatsapp, Telegram, dan Google Classroom yang membuka peluang untuk pelajar berkolaborasi dengan berkongsi nota, bahan berbentuk pautan internet dan melontarkan pelbagai soalan yang dijawab oleh pelajar lain (Noor Muslieah Mustafa Kamal et al, 2022a). Justeru itu, dengan memanfaatkan pengajaran kolaboratif secara dalam talian, maka pendekatan ini dapat memudahkan pembelajaran dan perbincangan secara kolaboratif dalam kalangan pelajar.

Kelebihan Pengajaran Kolaboratif Dalam Pendidikan Islam

Pengajaran kolaboratif dalam pendidikan Islam menyokong pelbagai faedah yang membantu para pelajar untuk memastikan perkembangan dari aspek kemahiran dan pengetahuan mereka. Sementara itu, suasana dan persekitaran PdPc yang positif juga dapat dizahirkan melalui pendekatan pengajaran kolaboratif yang sesuai. Oleh itu, dengan mengaplikasikan pengajaran kolaboratif dalam kurikulum mereka, GPI mampu untuk menyumbang kepada peningkatan potensi para pelajar sekaligus memberi impak yang positif kepada pencapaian akademik mereka. Oleh yang demikian, berikut adalah kelebihan pengajaran kolaboratif yang mampu menyumbang kepada suasana pembelajaran yang lebih menarik serta berkesan:

Peningkatan Kefahaman

Secara asasnya, kefahaman terhadap ilmu tertentu adalah kunci untuk individu menguasai ilmu yang dipelajarinya. Oleh itu, kefahaman perlu dipertingkatkan untuk mendalami ilmu serta berupaya menghubungkan maklumat yang ada dengan cara yang bermakna dan bermanfaat. Dengan itu, menurut Ab. Halim Tamuri et al. (2012) menerangkan bahawa pendekatan pengajaran berkualiti memainkan peranan penting dalam sesi PdPc terhadap GPI. Oleh hal yang demikian, salah satu pendekatan yang baik untuk meningkatkan kefahaman dalam kalangan pelajar terhadap pendidikan Islam adalah melalui teknik pengajaran kolaboratif. Dalam pada itu, dapatan kajian oleh Muammar Khadafie (2023) menyatakan kerjasama antara pelajar melalui perbincangan, berkomunikasi dan saling berkongsi maklumat antara mereka dapat meningkatkan kefahaman yang lebih mendalam terhadap pendidikan Islam. Hal ini disokong melalui kajian oleh Kamarul Azmi Jasmi et al. (2012) yang menyatakan bahawa interaksi para pelajar secara kolaboratif mampu memperkukuhkan pemahaman mereka dalam pendidikan

Islam diatas faktor terdapat perkembangan idea-idea melalui nilai tanggungjawab bersama-sama.

Selain itu, menurut hasil kajian oleh Kitikedizah Hambali dan Maimun Aqsha Lubis (2022) yang menunjukkan bahawa pendekatan pengajaran kolaboratif yang dilaksanakan berasaskan kaedah gamifikasi terbukti meningkatkan kefahaman pelajar terhadap pendidikan Islam melalui perkongsian maklumat serta berkolaborasi dalam menyelesaikan permasalahan. Dalam pada itu, kaedah PdPc berteraskan PAK 21 seperti Fan-N-Pick juga memupuk semangat kolaborasi antara pelajar sekaligus meningkat kefahaman dan penguasaan pengetahuan mereka dalam pendidikan Islam (Nur Adibah Liyana Awi & Hafizhah Zulkifli, 2020). Natijahnya, dalam pendidikan Islam, peningkatan kefahaman dapat membuka ruang kepada pelajar untuk mengembangkan intelek mereka melalui interaksi dengan maklumat tentang ajaran Islam.

Kemahiran Berfikir Secara Kritis

Pelajar yang memiliki pemikiran yang kritis adalah suatu perkara yang penting pada abad ke 21. Hal ini demikian kerana, menurut Y. Sukma dan N. Priatna (2021) menjelaskan bahawa kemahiran berfikir secara kritis adalah menjadi keperluan pada abad ke 21 kerana individu yang memiliki kemahiran tersebut mampu untuk melalui situasi yang kompleks dan perubahan yang pantas. Namun demikian, kemahiran berfikir secara kritis adalah kebolehan seseorang untuk menganalisis, sintesis dan menilai maklumat untuk menyelesaikan masalah. Maka, penjelasan terhadap pemikiran kritis ini disokong melalui kajian oleh Kennedy et al. (1991); Lai (2011) yang menjelaskan bahawa individu yang memiliki pemikiran yang kritis adalah berdasarkan kemampuannya berfikir berasaskan tiga aspek kemahiran berfikir tertinggi iaitu, analisis, sintesis dan menilai.

Walau bagaimanapun, pengajaran kolaboratif memberi kelebihan terhadap peningkatan kepada kemahiran berfikir secara kritis dalam kalangan pelajar terhadap pendidikan Islam. Sebagai contoh, hasil kajian mendapati GPI yang menerapkan elemen kolaboratif antara guru dan pelajar dalam pengajaran boleh meningkatkan tahap pemikiran pelajar yang berkemampuan dalam menginterpretasi apa yang mereka telah pelajari (Muhammad Zulazizi Mohd Nawi, 2020). Begitu juga, berdasarkan dapatan kajian oleh Sukreni Ismail dan Mohd Isha Awang (2004) mendapati bahawa pengajaran secara kolaboratif dalam kalangan GPI dapat meningkatkan kemahiran berfikir dalam kalangan pelajar. Dalam pada itu, pengajaran kolaboratif dapat menggalakkan pelajar untuk mengembangkan kemahiran dalam penyelesaian masalah berdasarkan tahap kognitif pelajar (Raja Abdullah Raja Ismail & Daud Ismail, 2018). Dengan itu, kemahiran berfikir yang kritis dapat ditingkatkan serta kemampuan untuk menyelesaikan masalah dipupuk dalam kalangan pelajar melalui pengajaran kolaboratif dalam pendidikan Islam. Oleh itu, kemampuan berfikir secara kritis amatlah diperlukan dalam pendidikan Islam supaya pelajar dapat mendalami ajaran Islam secara bermatlamat dan menyeluruh. Natijahnya, pendidikan Islam yang dikuasai dapat dipraktikkan dalam kehidupan serta dapat membuat keputusan berdasarkan prinsip Islam melalui pemikiran secara kritis.

Penglibatan dan Motivasi

Pengajaran kolaboratif adalah pendekatan yang menggalakkan pelajar melibatkan diri dengan bersemangat dan penyertaan diri secara aktif semasa sesi PdPc. Pada waktu yang sama, penglibatan pelajar dapat memupuk motivasi untuk memberi sepenuh komitmen terhadap pelajaran mereka. Justifikasinya adalah menurut dapatan kajian oleh Annasaii Jamar dan Mohd Aderi Che Noh (2020) menerangkan bahawa pengajaran yang bercirikan kolaboratif dalam pendidikan Islam menggunakan aplikasi Kahoot sebagai medium amat memberi kesan positif

kepada penglibatan pelajar disamping menambah tarikan dan motivasi pelajar melalui persaingan antara mereka untuk menyiapkan tugas dengan baik.

Selain itu, hasil kajian menunjukkan bahawa pengajaran kolaboratif dalam pendidikan Islam mampu meningkatkan motivasi dalam kalangan pelajar untuk melibatkan diri kerana mereka ingin menonjolkan diri dengan bakat masing-masing serta mahu memberikan sumbangan dalam pasukan mereka melalui semangat bekerjasama (Noor Muslieah Mustafa Kamal et al., 2022b). Disamping itu, menurut Rohani Arbaa et al. (2017) daripada dapatan kajiannya menunjukkan penerapan PdPc yang berteraskan PAK 21 yang menerapkan ciri kolaboratif oleh GPI terhadap para pelajar mampu meningkatkan saling kebergantungan kerjasama antara satu sama lain dan menerapkan suasana interaksi melalui komunikasi antara mereka. Dengan itu, para pelajar lebih cenderung untuk melibatkan diri disamping meningkatnya motivasi untuk menyertai sesi PdPc pendidikan Islam melalui kaedah pengajaran kolaboratif dalam kalangan GPI.

Kerja berpasukan dan Kepimpinan

Kerjasama pelajar dalam pasukan atau kumpulan masing-masing dan penerapan nilai kepimpinan dalam sesi PdPc adalah bukan suatu perkara yang asing. Malah, sebutan kerja berpasukan dan kepimpinan ini dapat digambarkan apabila seseorang pelajar yang memiliki kapasiti untuk membimbing, memberi inspirasi, dan membimbing pelajar lain untuk mencapai objektif yang sama sekaligus pendekatan kolaboratif dapat dizahirkan. Dalam pada itu, dapatan kajian menunjukkan nilai kepimpinan dan berpasukan dapat diterapkan melalui kaedah yang berunsur kolaboratif dalam pendidikan Islam melalui eksplorasi maklumat yang tidak hanya bergantung kepada guru (Jamaliah Abidin & Hafizhah Zulkifli, 2021). Menurut dapatan kajian oleh Kamarul Azmi Jasmi et al. (2012) menjelaskan bahawa pengajaran secara kolaboratif adalah merupakan salah satu kaedah yang berkesan dimana wujudnya suasana melakukan tugas secara berkumpulan bukan menyiapkan tugas secara individu.

Disamping itu, hasil kajian mendapati, pendekatan pengajaran kolaboratif oleh GPI dapat mewujudkan suasana kerja berpasukan melalui nilai kerjasama yang diterapkan yang mana ketua dilantik untuk memimpin ahlinya serta bersama-sama memberikan sumbangan yang menyokong kekuatan kumpulan disebabkan terdapatnya kepelbagaian kemahiran pelajar yang berbeza (Noor Muslieah Mustafa Kamal et al., 2022b). Oleh yang demikian, semangat berpasukan dan kepimpinan dapat diterapkan menerusi pengajaran kolaboratif agar dapat memupuk penglibatan pelajar dalam sesi PdPc. Tambahan pula, pengajaran kolaboratif juga dapat memberi peluang kepada pelajar mempelajari bagaimana untuk berperanan sebagai fasilitator dalam pasukan yang membolehkan penerapan nilai sebagai ketua dalam sesi perbincangan dan pembentangan.

Tuntasnya, berdasarkan pendekatan pengajaran kolaboratif dalam pendidikan Islam yang telah dibincangkan, didapati pengajaran kolaboratif memupuk semangat bekerjasama sama ada kerjasama tersebut antara guru dengan pelajar atau pelajar dengan rakan sebaya mereka. Tambahan pula, pengajaran kolaboratif mampu dilaksanakan secara dalam talian yang menunjukkan tidak hanya bergantung kepada sesi PdPc secara bersemuka sahaja. Disamping itu, pengajaran kolaboratif menggalakkan pembelajaran yang berpusatkan pelajar namun guru memainkan peranannya sebagai fasilitator untuk memudahkan sesi PdPc supaya berjalan dengan lancar. Dengan kata lain, pengajaran yang tidak berteraskan pendekatan kolaboratif atau pendekatan yang konvensional menyebabkan pelajar seolah tidak memainkan peranannya dengan efektif dalam sesi PdPc kerana hanya menjadi penerima apa yang disampaikan oleh

guru. Oleh yang demikian, pengajaran kolaboratif dapat diaplikasikan melalui pelbagai pendekatan yang seiring dengan kehendak PAK 21 seperti perbincangan berkumpulan, pembelajaran berasaskan projek (PBP), Think-Pair-Share (TPS) dan kolaboratif dalam talian.

Sementara itu, kelebihan pengajaran kolaboratif dalam pendidikan Islam yang paling ketara jika diteliti adalah secara asasnya adalah penglibatan aktif pelajar kepada sesi pembelajaran. Tambahan pula, penglibatan bukan sekadar secara individu namun secara berkumpulan. Disamping itu, kemahiran kognitif pelajar juga didapati menerima impak yang sangat positif hasil daripada kolaborasi pelajar dalam sesi PdPc yang dijalankan. Oleh itu, kelebihan yang didapati daripada pengajaran kolaboratif dalam pendidikan Islam antaranya meningkatkan penguasaan dalam kefahaman pelajar, mengukuhkan kemahiran berfikir secara kritis pelajar, menggalakkan penyertaan dan motivasi pelajar serta memupuk semangat bergerak dalam pasukan dan menzahirkan nilai kepimpinan pelajar.

Kesimpulan

Tugas GPI sebagai pendidik merupakan penting agar dapat meningkatkan kualiti pembelajaran pendidikan Islam. Contohnya, GPI boleh menerapkan kaedah pengajaran kolaboratif dalam sesi PdPc. Oleh itu, pendekatan pengajaran kolaboratif semestinya dikuasai dengan baik oleh GPI supaya mencapai tahap yang memuaskan disamping bagi memenuhi objektif pembelajaran dengan baik. Sementara itu, GPI sepatutnya melakukan peralihan yang menyeluruh daripada pembelajaran yang berpusatkan guru kepada pembelajaran yang berorientasikan pelajar dengan menonjolkan kaedah pengajaran yang berkesan dan kreatif dalam menguruskan sesi PdPc. Dalam pada itu, penglibatan dan motivasi pelajar dengan mengaplikasikan pengajaran kolaboratif memberi sumbangan kepada proses pembelajaran pendidikan Islam yang lebih efektif. Justeru itu, pengajaran kolaboratif dalam pendidikan Islam menunjukkan pendekatan dan kelebihan yang pelbagai dalam mendepani PAK 21 yang semakin mencabar pada zaman kini.

Rujukan

- Ab. Halim Tamuri, Muhamad Faiz Ismail, & Kamarul Azmi Jasmi. (2012). Komponen Asas Untuk Latihan Guru Pendidikan Islam. *Global Journal Al-Thaqafah*, 2(2), 53–63.
- Ahmad Hafizh, Iwan Hermawan, & Kasja Eki Waluyo. (2023). Implementasi Strategi “*Everyone is A Teacher Here*” dalam Mata Pelajaran Pendidikan Agama Islam di Sekolah Menengah atas Negeri 1 Cikarang Barat 1. *Jurnal Penelitian dan Pemikiran Keislaman*, 10(3), 229–239.
- Alin Abdullah, & Muhamad Kasim Basir. (2016). Aplikasi Teknik Flipped Classroom Sebagai Pemangkin Pembelajaran Abad Ke-21. *Prosiding Konferens Kebangsaan Pendidikan Abad Ke-21*, 157–171.
- Annasaii Jamar, & Mohd Aderi Che Noh. (2020). Gamifikasi Aplikasi Kahoot Dalam Pembelajaran Dan Pemudahcaraan (PdPc) Pendidikan Islam. *Seminar Antarabangsa Isu-Isu Pendidikan (ISPEN 2020)*, 269–280.
- Faridah Salam, Ramlah Mailok, & Norhasbiah Ubaidullah. (2015). Perubahan Pencapaian Mata Pelajaran Teknologi Maklumat dan Komunikasi melalui Pembelajaran Berasaskan Projek dengan Scaffolding. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 40(1), 29–41.
- Fathin Amirah Ismail, Jabaidah Bungsu, & Masitah Shahrill. (2022). Improving Students’ Participation and Performance in Building Quantities through Think-Pair-Share Cooperative Learning. *Indonesian Journal of Educational Research and Technology*, 3(3), 203–216. <https://doi.org/10.17509/ijert.v3i3.50348>

- Fazillah Mohamed Ismail, & Tengku Nurhudah T M Khalib. (2020). Penggunaan ICT dalam Pembelajaran Interaksi Lisan. *Muallim Journal of Social Science and Humanities*, 4(2), 137–149. <https://doi.org/10.33306/mjssh/68>
- Jamaliah Abidin, & Hafizhah Zulkifli. (2021). Keberkesanan Aplikasi Teknik “One Stay Three Stray” dalam Pembelajaran Bidang Sirah Pendidikan Islam. *Seminar Inovasi Pendidikan Islam dan Bahasa Arab 2021*, 143–160.
- Kamarul Azmi Jasmi. (2012). Metodologi Pengumpulan Data dalam Penyelidikan Kualitatif. Kamarul Azmi Jasmi, Osmawadi Talip & Mohd Faez Ilias. (2012). Strategi Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam Berpusatkan Pelajar. *Prosiding Seminar Antarabangsa Perguruan Dan Pendidikan Islam (SEAPPI2012)*, 33–40.
- Kitikedizah Hambali & Maimun Aqsha Lubis. (2022). Kepentingan Gamifikasi dalam Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) Pendidikan Islam. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)*, 5(1), 58–64.
- KPM. (2014). Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Aplikasi di Sekolah.
- KPM. (2017a). Dasar Pendidikan Kebangsaan. www.moe.gov.my/bppdp
- KPM. (2017b). Panduan Pelaksanaan Pendidikan Abad ke-21.
- KPM. (2019). Panduan Aplikasi Kemahiran Berfikir Aras Tinggi.
- Laal, M., Khatami-Kermanshahi, Z., & Laal, M. (2014). Teaching and Education; Collaborative Style. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 116, 4057–4061. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2014.01.890>
- Lai, E. R. (2011). Critical Thinking: A Literature Review Research Report. <http://www.pearsonassessments.com/research>.
- Merriam, S. B., & Tisdell, E. J. (2016). *Qualitative Research: A Guide to Design and Implementation*.
- Mohd Syaubari Othman. (2021). Strategi Pembelajaran Berasaskan Perbincangan Menerusi Konteks Pengintegrasian Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Mata Pelajaran Pendidikan Islam di Negeri Perak. *Selangor Humaniora Review*, 4(1), 233–250.
- Mokh. Habibullah. (2021). Meningkatkan Minat Belajar Pai Menggunakan Model Pembelajaran Kooperatif Tipe Think Pair Share. *Jurnal Pembelajaran dan Riset Pendidikan*, 501(2), 501–512. <https://doi.org/10.28926/jprp.v1i1.20>
- Muammar Khadafie. (2023). Pendidikan Agama Islam dalam Sistem Pendidikan Merdeka Belajar. *TAJDID: Jurnal Pemikiran Keislaman dan Kemanusiaan*, 7(1), 72–83. <https://doi.org/10.52266/tadjid.v7i1.1757>
- Muhammad Zulazizi Mohd Naw. (2020). Transformasi Pengajaran dan Pembelajaran Multimedia dalam Pendidikan Islam: Satu Perbincangan. *Journal of ICT in Education*, 7(2), 14–26. <https://doi.org/10.37134/jictie.vol7.2.2.2020>
- Nadia Abdul Rahim, Nor Aqilah Meor Fadzir, Nur Adilah Hani Zaimal, Firli Fairulyzan Arias Yahaya, Zatul Iffah Zainol & Mohd Razimi Husin. (2021). Implikasi Gaya Pembelajaran Kooperatif Subjek Sains Bagi Murid Tahap Dua di Sekolah Kebangsaan Bandar Baru Rawang. *Journal of Humanities and Social Sciences*, 3(2), 57–66. <https://doi.org/10.36079/lamintang.jhass-0302.238>
- Nadiah Abdul Kadir & Khairul Azhar Jamaludin. (2022). Cabaran Guru dalam Pelaksanaan Pembelajaran Berasaskan Projek Mod Teradun dalam Konteks Sekolah di Malaysia. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(12), 1-15. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i12.1998>
- Nasir Hasan. (2014). Pembelajaran Berasaskan Projek dalam Kalangan Guru Pelatih Institut Pendidikan Guru Malaysia: Satu Kajian Kes. *Universiti Utara Malaysia*.

- Noor Muslieah Mustafa Kamal, Zaharah Hussin, & Abdul Muhsien Sulaiman. (2022a). Elemen Kolaborasi dalam Pengajaran Guru Pendidikan Islam Melalui Pendekatan Heutagogi. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 4(1), 372–386. <https://doi.org/10.55057/jdpd.2022.4.1.29>
- Noor Muslieah Mustafa Kamal, Zaharah Hussin & Abdul Muhsien Sulaiman. (2022b). Pelaksanaan Elemen Heutagogi dalam Pengajaran Guru Pendidikan Islam di Sekolah Menengah. *The Online Journal of Islamic Education*, 10(2), 16–27.
- Noor Muslieah Mustafa Kamal, Zaharah Hussin & Sulaiman Abdul Muhsien. (2022). Pendekatan Heutagogi: Persepsi Murid Terhadap Pentaksiran Rakan Sebaya. *International Journal of Education and Pedagogy (IJEAP)*, 4(1), 114–129.
- Nor Syahirah Abu Bakar & Mohd Aderi Che Noh. (2022). Kaedah Perbincangan dalam Pengajaran Pendidikan Islam di Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Nusantara*, 1(1), 89–99. <https://doi.org/10.55080/jpn.v1i1.10>
- Norasmahani Nor, Nur Sofiah Suhaimi, Nur Syamira Abdul Wahab, Mohd Khushairi Che Ismail, Mohd Aderi Che Noh & Khadijah Abdul Razak. (2015). Pelaksanaan KBAT dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam Sekolah Menengah: Satu Tinjauan Di Putrajaya. *Proceeding: 7th International Seminar on Regional Education*, 1, 361–375.
- Norazlin Mohd Rusdin & Siti Rahaimah Ali. (2019). Amalan dan Cabaran Pelaksanaan Pembelajaran Abad Ke-21. *Proceedings of the International Conference on Islamic Civilization and Technology Management*, 87–105.
- Nur Adibah Liyana Awi & Hafizhah Zulkifli. (2020). Kaedah Fan-N-Pick Dalam Pembelajaran Sirah Pendidikan Islam. *Malaysian Online Journal of Education*, 4(2), 61–69.
- Rafiza Abdul Razak. (2013). Strategi Pembelajaran Aktif Secara Kolaboratif Atas Talian Dalam Analisis Novel Bahasa Melayu. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 1(3), 34–46.
- Raja Abdullah Raja Ismail & Daud Ismail. (2018). Aplikasi ‘Konsep 4C’ Pembelajaran Abad Ke-21 dalam Kalangan Guru Pelatih Pengajian Agama Institut Pendidikan Guru Kampus Dato’ Razali Ismail. *Asian People Journal (APJ)*, 1(1), 45–65.
- Rohani Arbaa, Hazri Jamil & Mohammad Zohir Ahmad Ahmad. (2017). Model Bersepadu Penerapan Kemahiran Abad ke-21 dalam Pengajaran dan Pembelajaran. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 42(1), 1–11.
- Sharifah Fatimah Wan Jamel, Mahadi Khalid, Salehudin Sabar, Siti Fatimah Ahmad, Mohd Daud Muhamad, Mas Hamidon & Rusliza Othman. (2022). Elemen Multimedia dalam Menjana Penaakulan bagi Pembelajaran Al-Quran Bahagian Kefahaman dalam Kalangan Pelajar. *Proceedings Borneo Islamic International Conference*, 13, 293–299.
- Sukreni Ismail & Mohd Isha Awang. (2004). Penilaian Terhadap Pelaksanaan Pembelajaran Kolaboratif dalam Pengajaran Pendidikan Islam.
- Sutrisno & Juli Amalia Nasucha. (2022). Islamic Religious Education Project-Based Learning Model to Improve Student Creativity. *At-Tadzkir: Islamic Education Journal*, 1(1), 13–22. <https://doi.org/10.59373/attadzkir.v1i1.3>
- Tengku Sarina Aini Tengku Kasim & Faridah Che Husain. (2008). Pendekatan Individu dalam Pengajaran Pendidikan Islam Sebagai Wahana Melahirkan Modal Insan Bertamadun. *Jurnal Usuluddin*, 141–156.
- Wong Weng Siong & Kamisah Osman. (2018). Pembelajaran Berasaskan Permainan dalam Pendidikan STEM dan Penguasaan Kemahiran Abad Ke-21. *Politeknik & Kolej Komuniti Journal of Social Sciences and Humanities*, 3, 128–2875.
- Y. Sukma & N. Priatna. (2021). The Effectiveness of Blended Learning on Students’ Critical Thinking Skills in Mathematics Education: A Literature Review. *Journal of Physics: Conference Series*, 1806(1). <https://doi.org/10.1088/1742-6596/1806/1/01207>